

TARIKH	31 Mei 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	V4	RUANGAN	SUPPLEMENT



SEBAHAGIAN daripada pelajar IPT yang hadir dalam Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U 2012 anjuran bersama BH dan TH.



GERAI BH dikerumuni pelajar IPT bagi mendapatkan maklumat yang boleh dimanfaatkan.

Ekspo kerjaya UKM bantu bakal graduan

Oleh Fadzlena Jafar
fadzlena@bharian.com.my

KURANG maklumat dan tidak peka dengan kehendak majikan dikenal pasti antara faktor yang menyebabkan kegagalan graduan hari ini diterima bekerja walaupun mempunyai sijil akademik yang cemerlang.

Sehubungan itu, bakal graduan perlu melengkapkan diri dengan ilmu bersesuaian bagi memastikan mereka mempunyai pakej lengkap untuk diterima majikan apabila bergraduasi kelak.

Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U 2012 anjuran bersama Berita Harian (BH) dan Tabung Haji (TH) yang berkunjung ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), baru-baru ini menyediakan pelbagai aktiviti serta maklumat penting yang boleh dimanfaatkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Program berkenaan yang dianjurkan kali kedua pada tahun ini diadakan bersempena dengan Ekspo Kerjaya UKM 2012 anjuran Kolej Antarabangsa Ibu Zain, UKM dengan kerjasama Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat (HEJIM) di Dewan Canselor Tun Abdul Razak UKM pada 18 hingga

19 Mei lalu.

Sebanyak 40 gerai dibuka memabatkan pelbagai syarikat utama antaranya, Maybank, UDA Holdings Berhad, CIMB Group, Shell dan MIDF yang bukan saja menyediakan maklumat mengenai peluang pekerjaan, bahkan menawarkan produk untuk jualan.

Tidak ketinggalan BH dan TH yang membuka gerai sepanjang program itu berlangsung dengan menawarkan pelbagai acara dan barang cenderamata. TH turut membuka kaunter bagi orang ramai yang ingin menjadi ahli, selain pelajar yang berminat untuk menjadi ahli Kelab TaHa@U.

Antara program yang dilaksanakan sepanjang Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U itu, ialah Sesi Simulasi Temu Duga yang dikendalikan BH dan TH, Forum Kerjaya, Pencarian Ikon Varsity serta Ceramah kerjaya oleh personaliti terkenal TV3, Ally Iskandar.

Forum Kerjaya dikendalikan pengacara berbakat besar yang kian meningkat naik iaitu Nazmi Raja Lawak dan Firdaus TBO Raja Lawak. Kehadiran mereka bukan saja memeriahkan majlis, bahkan

mengundang ceria sepanjang program berkenaan.

Panel bagi forum yang membicarakan mengenai kerjaya bagi bakal graduan itu ialah Timbalan Pengarah Negeri TH Negeri Selangor, Mohd Rafidi Ibrahim dan Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar.

Selain program anjuran TaHa@U itu, UKM turut mengadakan beberapa program siri ceramah bertajuk Temu Duga Kerja yang dikendalikan Pengurus Rafflesia Management Consultant & Service, Mohd Soffian Osman; Ketua Kumpulan Sumber Korporat, Kumpulan CIMB, Hamidah Naziadin (Penulisan Resume yang Cemerlang); Naib Presiden MIHRM, Dr Henry Yeoh (Majikan Cerewet: Apa yang Mereka Kehendaki?) dan Abigail Cheong daripada Swet Image Cheong dengan tajuk Dandan Diri Anda Seperti Seorang Profesional.

Program Bimbingan Kerjaya TaHa@U 2012 anjuran bersama Berita Harian dan Tabung Haji yang berkunjung ke UKM baru-baru ini menyediakan pelbagai aktiviti serta maklumat penting yang boleh dimanfaatkan pelajar IPT

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	31 / Mei / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	V 4	RUANGAN	Supplement



Mohd Raffdi Ibrahim



KAUNTER TH baal orana ramal yang ingin menjadi ahli Kelab TaHa@U.



SEBAHAGIAN gerai daripada pelbagai syarikat, menyediakan maklumat mengenai peluang pekerjaan dan produk untuk jualan.